

Perbuatan Israel terhadap Palestin lebih ganas — Dr. M

UM 16 DEC 2001

KUALA LUMPUR 16 Dis. — Kutuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, perbuatan tentera Israel terhadap bangsa Palestin adalah lebih ganas berbanding tindak balas rakyat negara itu ke atas mereka.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, kerajaan Israel dan tentera mereka tidak pula dikedam sebagai pengganas oleh dunia Barat.

“Sebaliknya Presiden Arafat yang didakwa sebagai ketua pengganas kerana tidak memberkas orang Palestin yang mengganas,” kata beliau.

Perdana Menteri berkata demikian dalam perutusan sempena Hari Raya Aidilfitri yang disiarkan di semua radio dan televisyen tempatan, malam ini.

Menurut Dr. Mahathir, serangan Israel ketika ini mungkin disebabkan keganasan rakyat Palestin yang meletupkan diri dan membawa maut dan cedera kepada sebilangan orang Israel.

Beliau berkata, perbuatan orang Palestin itu boleh ditafsir sebagai keganasan dan tindakan itu boleh dikutuk dan boleh mendakwa mereka yang melakukan ini adalah pengganas.

“Tetapi kita perlu kutuk juga orang Israel dan kerajaan Israel sebagai pengganas. Bagi setiap seorang rakyat Israel yang terbunuh, empat rakyat Palestin yang dibunuh oleh tentera Israel,” tegas beliau.

Dr. Mahathir menyentuh konflik di Palestin dan Afghanistan bagi mengingatkan umat Islam Malaysia supaya tidak melupakan nasib saudara seagama di negara lain yang tidak dapat merayakan hari kebesaran ini.

Katanya, bagi pelarian Afghanistan, tidak ada suasana raya pada Hari Raya Aidilfitri manakala di Palestin, mereka diserang dengan kereta kebal, roket dan bom oleh tentera Israel.

Menurutnya, semua orang tidak boleh lupa

bahawa Israel didirikan di atas wilayah Arab Palestin oleh kuasa-kuasa Barat.

“Kerana ingin menebus dosa mereka membunuh enam juta orang Yahudi di Eropah, orang Arab diusir dari wilayah mereka supaya sebuah negara Yahudi dapat didirikan di Palestin. Inilah bangsa-bangsa yang sering bercakap mengenai keadilan,” katanya.

Presiden Arafat, ujarnya, bukan Presiden negara yang bebas dan berkuasa penuh yang tidak memungkinkan beliau mampu membendung dan mengawal rakyatnya yang amat marah kerana kehilangan saudara mara, anak cucu dan kawan-kawan yang telah dibunuh oleh kerajaan Israel.

“Kerajaan yang berkuasa penuh pun tidak dapat memberkas semua penjenayah dalam masyarakatnya. Apatah lagi kerajaan Arafat yang tidak diberi kuasa yang sepenuhnya,” kata Dr. Mahathir.